

MAHATHIR - HARVARD

EMBARGO: UNTUK SIARAN PADA PUKUL 10.30 MALAM INI, 28 JULAI

KUALA LUMPUR, 28 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI PARA PENGUSAHA NEGARA' INS AKAN HANYA MENCAPAI KEJAYAAN TEWHAD SELAGI MEREKA TERUS BERGANTUNG KEPADA KERAJAAN DAN TIDAK MAHU BERSIKAP BERDIKARI.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN MEREKA JUGA PERLU MENANAMKAN SIKAP BERUSAHA MENINGGIKANDAYA PENGELUARAN SUPAYA BARANG-BARANG KELUARAN BUKAN SAJA BAIK TETAPI JUGA BERMUTU TINGGI.

*KITAHARUS BERTANYA KEPADA DIRI SENDIRI BAGAIMANA PARA PENGUSAHA DI NEGARA LAIN TELAH MENCAPAI KEJAYAAN, + KATANNYA KETIKA BERUCAP DIMAJLIS MAKAMALAM KELAB ALUMNI HARVARD BUSINESS SCHOOL DI SINI.

BELIAU BERKATA PARA PENGUSAHA NEGARA LAIN. SAMA SEPERTI, RAKAN-RAKAN MEREKA DI NEGARA INI JUGA MENGHADAPI PELBAGAI CABARAN DAN KESULITAN TETAPI HERKA BERJAYA KERANA SANGGUP BEKERJA KUAT. MEREKA, KATANYA, MAJU RUKAN KERANA MEMPUNYAI LEBIH INSENTIF DARIPADA RAKAN-RAKAN MEREKA DI NEGARA INI TETAPI KERANA MEMPUNYAI SEDIKIT KELESIHAN IAITU KESANGGUPAN BEKERJA KUAT. -- LAGI.

MAHATHIR - HARVARD 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA OLEH ITU JIKA PARA PENGUSAHA MAHU MAJU MEREKA HENDAKLAH MENINGGIKAN LAGS' PRESTASI DAN BERGERAK SEBAGAI SATU PASUKAN SELARAS DENGAN KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA.

MEREKA JUGA HARUS BERKONGSI PENGALAMAN SERTA BUAH FIKIRAN BARU DEMI KEPENTINGAN RAMAI DAN HENDAKLAH MELIPATGANDAKAN USAHA PENYELIDIKAN BUKAN SAJA DALAM BIDANG YANG MEREKA MEMPUNYAI KEBOLEHAN DAN PENGALAMAN TETAPI JUGA DALAM BIDANG-BIDANG BARU YANG BELUM DITEROKAI.

PERDANA MENTERI JUGA MENINGATKAN MEREKA BAHAWA TIDAK ADA JALAN SINGKAT DALAM USAHA MENCAPAI KEJAYAAN.

DALAM APA JUGA BIDANG, UNTUK MENCAPAI SESUATU MATLAMAT DENGAN JAYANYA MEMERLUKAN TITIK PELUH, DEDIKASI, TANGGUNGJAWAB, AMANAH DAN KESANGGUPAN MENGORBANKAN KEPENTINGAN INDIVIDU UNTUK KEPENTINGAN RAMAI, TEGASNYA.

BELIAU BERKATA NILAI-NILAI ITU BUKAN BARU MALAH SEMUA MENGETAHUINYA TETAPI PERLU SENTIASA DIINGATKAN KERANA MUDAH DILUPAI.

-- LAGI

1754MST 28 07 84

MAHATHIR - HARVARD 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI KESAL KERANA SUDAH MENJADI KEBIASAAN RAKYAT; NE CARA INI APABILA INGIN MEMBUAT SESUATU MEREKA MEMINTA PERTOLONGAN DAN PERLINDUNGAN TERLEBIH DAHULU.

SEBAGAI CONTOH BELIAU MENYEBUT PARA PENIAGA YANG MEMINTA PERLINDUNGAN SEBELUM SANGGUP MENEROKAI SESUATU PERNIAGAAN ATAU PERINDUSTRIAN. + TANPA PERLINDUNGAN DAN PERTOLONGAN MEREKA TIDAK SANGGUP. +

+ INILAH AMALAN NEGATIF YANG TELAH DIAMALKAN SEJAK BEBERAPA LANA DAN AKIBATNYA KITA KETINGGALAN, + TEGASNYA.

BELIAU MENGAKUI BAHAWA PARA PENGUSAHA NEGARA INI TELAH MENCAPAI KEJAYAAN DALAM BEBERAPA BIDANG TERTENTU TETAPI APARILA MENGHADAPI PERSAINGAN BARULAH MEREKA MENGETAHUI SEJAUH MANA SERENARNYA KEJAYAAN ITU.

+ DAN APABILA MENDAPAT PERSAINGAN, AKAN TERDENGARLAH TERIAKAN DARIPADA PIHAK-PIHAK TERTENTU MEMINTA KERAJAAN MEMBUAT SESUATU UNTUK MEMBANTU MEREKA, + UJARNYA. -- LAGI

MAHATHIR - HARVARD 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI MINGGATKAN BAHAWA SECALA GALAKAN KEPADA PARA PELABUR DAN PERATURAN YANG DIBUAT OLEH KERAJAAN ADALAH SEMATA-MATA BERTUJUAN PADA DASARNYA SEBAGAI PANDUAN SUPAYA SESUATU ITU DAPAT DIJALANKAN DENGAN LEBIH TERATUR DAN BERKESAN.

+ TETAPI PERATURAN SEMATA-MATA TIDAK DAPAT MENENTUKAN ATAU MENJAMINKAN KEJAYAAN SESUATU RANCANGAN ATAU PROJEK ITU DAN IA JUGA TIDAK DAPAT MENENTUKAN BAHAWA SESEBUAH NEGARA ITU AKAN MAJU ATAU MUNDUR.

+ YANG LEBIH PENTINGIALAH KESANGGUPAN PARA PEKERJA UNTUK BEKERJA DENGAN TEKUN, KUAT, BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN PENUH DEDIKASI BAGI MENCAPAI KEJAYAAN, + TEGASNYA. -- BERNAMA